

## Penyata Pengerusi Chairman's Statement

Saya bagi pihak Anggota Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007.

### Tinjauan Ekonomi Malaysia

Secara keseluruhannya suasana pembangunan ekonomi negara telah menunjukkan kadar pertumbuhan yang kukuh dengan dipacu oleh pelaburan sektor awam dan swasta. Kadar KDNK telah menunjukkan peningkatan sebanyak 6.3% berbanding dengan 5.9% bagi tahun 2006. Menurut laporan Bank Negara, pelaburan sektor swasta telah meningkat dengan lebih pantas terutama yang melibatkan kadar pertumbuhan sebanyak 12.3%. Pertumbuhan yang kukuh tersebut secara keseluruhannya disokong oleh sektor pembinaan yang telah kembali pulih dan mencatat pertumbuhan sebanyak 4.6%. Peningkatan aktiviti-aktiviti adalah ketara di subsektor kejuruteraan awam, sektor minyak dan gas, serta subsektor kediaman dan bukan kediaman terutama hasil rangsangan Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK9). Pelaksanaan 4 koridor utama yang dilancarkan pada tahun 2007 juga akan menyemarakkan sumbangan sektor pembinaan.

### Prestasi CIDB Pada Tahun 2007

CIDB bersama dengan penggiat-penggiat industri sedar akan perlunya industri pembinaan yang mantap dan mampu berdayasaing di peringkat tempatan dan global. Menyedari hakikat tersebut, satu pelan induk telah dirangka oleh pihak industri untuk industri sebagai hala tuju industri pembinaan dalam tempoh 10 tahun akan datang. Pelan Induk Industri Pembinaan Malaysia (Construction Industry Master Plan – CIMP) 2006-2015 merupakan rancangan jangka panjang yang dinamik serta telah diterimapai oleh Kerajaan. Ia menggariskan 7 teras strategik, 21 cadangan serta 77 pelan tindakan dan telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 10 Disember 2007. Buat pertama kali juga CIDB telah menyusun pelaksanaan program berdasarkan teras strategik tersebut.



On behalf of the Board of Directors I am pleased to present the Annual Report and Financial Statement of the Construction Industry Development Board (CIDB) for the year ending 31 December 2007.

### Malaysian Economic Overview

As a whole, the national economy displayed a steady growth that was spurred by public and private sector investments. GDP indicated a 6.3% increase as compared to 5.9% in 2006. According to a Bank Negara Report the private sector has improved rapidly with its growth rate at 12.3%. This positive growth was largely attributed to the recovery of the construction sector that recorded a 4.6% increase. Backed by the Ninth Malaysia Plan (RMK9), there was an evident intensification of activities in the civil engineering, oil and gas, as well as the residential and non-residential sub-sectors. The launch and implementation of four main corridors in 2007 had also boosted the contribution made by the construction sector.

### CIDB Performance in 2007

CIDB and its industry player are aware of the necessity for the existence of a resolute as well as locally & globally competitive construction industry. It is on this awareness that the Construction Industry Master Plan was drafted as a construction industry 10 year action plan. The Construction Industry Master Plan 2006 – 2015 is a dynamic, long term plan that has been endorsed by the government. The Master Plan that outlines 7 strategic thrusts, 21 recommendations and 77 action plans was launched by YAB Deputy Prime Minister on 10th December 2007. It was the very first time CIDB has implemented the programme based on the strategic thrust.

## Teras Strategik 1

**Menyepadukan Rantaian Nilai Industri Pembinaan bagi Meningkatkan Produktiviti dan Kecekapan**  
Sehingga Disember 2007, sebanyak 63,150 kontraktor tempatan dan 56 kontraktor asing telah berdaftar. Daripada jumlah tersebut 83% adalah merupakan kontraktor gred rendah (G1 - G3) manakala kontraktor besar (G6 - G7) adalah sebanyak 5,175 (9%) sahaja. Program pembangunan latihan kontraktor merangkumi latihan pengurusan dan teknikal telah dimulakan bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran dan kepakaran kontraktor tempatan untuk bersaing di pasaran tempatan dan global.

## Teras Strategik 2

**Memantapkan Imej Industri Pembinaan**  
CIDB telah mula menggiatkan pelaksanaan program perkongsian amalan terbaik menerusi penyediaan garis panduan, pembentangan produk dan sebagainya. Sebanyak 6 siri seminar dan 7 bengkel bagi mengkaji, menilai dan mempromosikan Model Terma Kontrak Pembinaan Untuk Kerja-kerja Subkontrak (Model Terms of Construction Contract for Subcontract Works) telah diadakan sepanjang tahun. Penggubalan Akta Bayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan juga telah siap bertujuan untuk menangani masalah pembayaran dan aliran wang tunai semasa projek dalam peringkat pelaksanaan. Draf akta tersebut telah dikemukakan kepada kerajaan untuk pertimbangan selanjutnya. Statistik Pembinaan Suku Tahunan juga telah diterbitkan sebagai media penyebaran maklumat terkini berkaitan dengan industri pembinaan Malaysia. Prestasi dan unjuran sektor pembinaan juga telah diberi penekanan menerusi penganjuran Seminar '*Malaysian Construction Sector Review 2006/2007 and Outlook*'. Seminar tersebut telah memberikan maklumat khusus mengenai senario industri pembinaan serta peluang-peluang kerja yang wujud dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9. CIDB dengan kerjasama industri juga

## Strategic Thrust 1

**Integrate the Construction Industry Value Chain to Enhance Productivity and Efficiency**  
There were 63,150 local and 56 foreign contractors registered as at December 2007. Of this total, 83% were low grade contractors (G1 - G3) and 5,175 major grade contractors (G6 - G7) (9%). A contractor training development programme was initiated to cover aspects of management and technical as means of enhancing the competitive capabilities and expertise of local contractors in both the local and global markets.

## Strategic Thrust 2

**Strengthening the Construction Industry Image**  
CIDB has been actively implementing the Sharing of Best Practice Programme through compilation of guidelines, product presentation, etc. A total of 6 seminar series and 7 workshops to study, analyse and promote the Model Terms of Construction Contract for Subcontract Work had been organised throughout the year. The drafting of the proposed Construction Industry Payments and Adjudication Act had been finalised as tool to overcome payments and cash flow problems at project implementation stages. The proposed Act has been submitted to the government for subsequent consideration. The Quarterly Construction Statistics were published as communication link on latest information on the Malaysian Construction Industry. Emphasis on the performance and expansion of the construction sector was made through "Malaysian Construction Sector Review 2006/2007 and Outlook Seminar". The seminar provided specific information on the construction industry scenario including project opportunities within the implementation of the Ninth Malaysian Plan. With the cooperation of industry players, CIDB has successfully developed a Contractor Code of Ethics aimed at creating good practice guidelines that would enhance the contractor's business integrity to a higher level.



telah berjaya membangunkan Kod Etika Kontraktor bertujuan untuk mewujudkan amalan nilai-nilai murni sebagai panduan kontraktor melaksanakan perniagaan dengan tahap integriti yang tinggi.

### Teras Strategik 3

#### Berusaha Mencapai Standard yang Tinggi dari Segi Kualiti, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Serta Amalan Alam Sekitar

Standard kualiti pembinaan, kesihatan & keselamatan pekerjaan dan amalan baik alam sekitar sentiasa diberi penekanan dan dipertingkatkan secara progresif kepada semua pihak terutamanya kontraktor. Sehingga kini, CIDB telah berjaya membangunkan sebanyak 40 *Malaysia Standard* dan 8 buah *Construction Industry Standard* sejak tahun 2001 sebagai garis panduan industri. Program *Quality Assessment System In Construction (QLASSIC)* juga telah mula dilaksanakan di mana sejumlah 40 projek pembinaan telah menjalani penilaian bagi mengenalpasti tahap mutu kerja pembinaan. CIDB telah membangunkan 3 Skim DIY CIDB merangkumi aktiviti yang berkaitan dengan Pengurusan Kualiti, Alam Sekitar dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam industri pembinaan. Sehingga akhir tahun yang dinilai, terdapat 278 penyertaan dalam Skim DIY ISO 9001 CIDB di mana sebanyak 149 syarikat telah berjaya memperolehi Persijilan tersebut. Sebanyak 980 '*Certificate of Approval*' kepada pengimport yang membawa bahan binaan Import yang menepati keperluan Standard Malaysia (MS) yang berkenaan telah dikeluarkan di bawah program Quality Under Established Standard (QUEST).

Penekanan keperluan kesedaran mengenai keselamatan dan kesihatan di tapak bina di laksanakan menerusi kursus induksi keselamatan dan kesihatan di tapakbina. Sejak ianya diperkenalkan pada tahun 2000, sebanyak 21,659 sesi kursus telah dijalankan di seluruh negara melibatkan 758,973 orang peserta. Sepanjang tahun 2007 seramai 94,883 personel binaan tempatan dan asing telah menyertai program ini.



### Strategic Thrust 3

#### Strive for the Highest Standard of Quality, Occupational Safety and Health and Environmental Practices

Construction quality standard, health and safety at work and good environmental practices is consistently being stressed and enhanced to all parties especially contractors. Since 2001, CIDB has to date, succeeded in formulating 40 Malaysian Standards and 8 Construction Industry Standard as industry guidelines. The Quality Assessment System in Construction (QLASSIC) programme has been implemented whereby a total of 40 construction projects under quality assessment. CIDB has developed 3 DIY Schemes with activities related to Quality Management, Environment and Occupational Health and Safety in the Construction Industry. Up to the end of the year under review, there are 278 participations in the CIDB DIY ISO 9001 Scheme whereby 149 companies have achieved certifications. A total of 980 'Certificate of Approval' were issued under the Quality Under Established Standard (QUEST) programme to importers of building materials meeting the requirements of relevant Malaysian Standard(MS).

Emphasis on the necessity of health and safety awareness at construction sites was made through safety and health induction courses at construction site. Since its introduction in 2000, a total of 21,659 courses have been conducted nationwide with the involvement of 758,973 participants. Throughout 2007, a total of 94,883 local and foreign construction personnel participated in this programme.

### Strategic Thrust 4

#### Develop Human Resource Capabilities and Capacities in The Construction Industry

This strategic thrust is aimed at nurturing an interest to work in the construction industry amongst locals and subsequently transforming them into multi-skilled personnel. The cumulative total of CIDB registered construction personnel showed an increase to 825,054 personnel in comparison to 700,305 in 2006. Of the total, 634,103 (76.9%) were local construction personnel whilst 190,951 (23.1%) were foreign construction personnel.

Standard development programmes based on Construction Industry Skill Standard /CISS or National Occupational Skill Standard /NOSS are meant to expound a skill standard for specific trades in a construction field as well as a reference point for the implementation of skills training. Up to the end of the year under review, a total of 144 NOSS, 43 training modules

#### Teras Strategik 4

##### Membangunkan Keupayaan dan Kemampuan Sumber Manusia Dalam Industri Pembinaan

Teras Strategi ini bermatlamat untuk memupuk keinginan untuk bekerja dalam bidang ini dikalangan warga tempatan dan menjadikan mereka pekerja yang mempunyai pelbagai kemahiran. Jumlah kumulatif personel binaan yang berdaftar dengan CIDB telah menunjukkan peningkatan seramai 825,054 berbanding hanya 700,305 pada tahun 2006. Daripada jumlah ini seramai 634,103 (76.9%) adalah personel binaan tempatan manakala 190,951 (23.1%) adalah personel binaan asing.

Program pembangunan standard kemahiran berasaskan Standard Kemahiran Industri Pembinaan (*Construction Industry Skill Standard / CISS*) ataupun Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skill Standard / NOSS*) adalah bagi membangunkan standard ketrampilan bagi sesuatu tred dalam bidang binaan serta rujukan pelaksanaan program latihan kemahiran. Sehingga akhir tahun yang dinilai sebanyak 144 NOSS, 43 modul latihan dan 77 *Course of Study* telah dibangunkan. CIDB juga melaksanakan program latihan keusahawanan dan pengurusan bagi membolehkan personel binaan mendalami pengetahuan di bidang pengurusan projek, teknikal dan *ICT*. Sehingga akhir tahun yang dinilai seramai 12,386 personel binaan telah menghadiri kursus tersebut. Program akreditasi pekerja mahir tempatan dan asing telah dipergiatkan bagi mencapai matlamat peningkatan produktiviti dan kualiti. Sehingga akhir tahun yang dinilai seramai 39,973 pekerja mahir tempatan dan asing telah diakredit. Program latihan kemahiran bagi golongan belia dan personel binaan masih lagi menjadi fokus utama untuk menyediakan pasaran tenaga kerja mahir serta meningkatkan kemahiran. Sepanjang tahun 2007, seramai 8,637 belia dan 6,212 personel binaan telah dilatih melalui program ini.

Jumlah kumulatif belia yang telah berjaya dilatih adalah seramai 50,929 belia dan 39,327 personel binaan.

#### Teras Strategik 5

##### Inovasi Melalui Penyelidikan dan Pembangunan Serta Mengguna Pakai Kaedah Baru Pembinaan

Inovasi serta penggunaan teknologi/ teknik pembinaan terkini menjadi keutamaan untuk menambah daya saing. Penekanan kerajaan menerusi penggunaaak Sistem Binaan Berindustri (*Industrialised Building System*) digarap selaras dengan IBS Roadmap. Pusat IBS yang ditubuhkan pada Mac 2007 di Jalan Chan Sow Lin menawarkan empat fungsi iaitu perancangan industri,



and 77 COS have been developed. CIDB also conducted Entrepreneur and Management Training Programmes to enable construction personnel to enhance their knowledge in project management, technical and ICT. A total of 12,386 construction personnel had attended the course till the end of the review year. The skilled local and foreign worker accreditation programme was actively implemented to ensure enhancement in productivity and quality objectives. A total of 39,973 local and foreign skilled workers were accredited till the end of the review year. Skills training programmes for youths and construction personnel were the main focus in providing a skilled manpower market as well as enhancing skills. Throughout 2007, 8,637 youths and 6,212 construction personnel had been trained via this programme. The cumulative number of personnel having been successfully trained are 50,929 youths and 39,327 construction personnel.

#### Strategic Thrust 5

##### Innovate Through Research and Development and Adopt New Construction Methods

Innovation as well as the adoption of technology / latest construction techniques are top priority in enhancing competitiveness. The government emphasis on the usage of the Industrial Building System has been consolidated in line with the IBS Roadmap. The IBS Centre at Jalan Chan Sow Lin, that was established in March 2007, offers four functions i.e industry planning, knowledge and training, resource centre and IBS technology centre.

It also provides a training room, resource centre, gallery, IBS Village and incubator. Various programmes that include publication, seminar, technical courses as well as the registration of IBS product/supplier has been implemented throughout the year. A total of 326 products and 119 IBS manufacturers were registered and listed in the 'Orange Book' as 'IBS Status Company.'

pengetahuan dan latihan, pusat sumber dan pusat teknologi IBS. Ia juga menyediakan kemudahan bilik latihan, pusat sumber, galeri, *IBS Village* dan inkubator. Pelbagai program termasuk penerbitan, seminar, kursus teknikal disamping pendaftaran produk/pembekal IBS telah dilaksanakan sepanjang tahun. Sebanyak 326 produk dan 119 syarikat pengeluar IBS telah didaftarkan dan disenaraikan ke dalam '*Orange Book*' sebagai '*IBS Status Company*'.

Sepanjang tahun 2007, sebanyak 10 permohonan baru projek R&D telah diterima di mana 3 daripadanya telah diluluskan. Sehingga kini sebanyak 32 projek penyelidikan sedang berjalan di mana 16 projek telah pun siap dan ada antaranya dalam proses pengkomersialan dan dipatenkan.

## Teras Strategik 6

### Meningkatkan Keupayaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dalam Industri Pembinaan

Program mempertingkatkan lagi industri pembinaan ke arah penggunaan aplikasi ICT sedang giat dilaksanakan meliputi penyediaan pusat setempat *Construction Industry Portal (CI Portal)* sebagai pengkalan data maklumat dan pengetahuan industri pembinaan melalui peningkatan penggunaan ICT. Pembangunan *National e-Tendering Initiative (NeTI)* merangkumi keseluruhan 4 fasa telah siap dan sedang menunggu perkemasaan sistem untuk perlaksanaan sepenuhnya. Terdapat 278 agensi kerajaan dari seluruh Malaysia telah memberi sumbangan maklumat tender sepanjang tahun 2007 melibatkan 3,451 senarai tender. Sebanyak 8 siri 'road-show' telah diadakan sepanjang tahun bagi mempromosikan *CI Portal*.

## Teras Strategik 7

**Memperoleh Manfaat Daripada Globalisasi Termasuk Pengeksportan Produk dan Perkhidmatan Pembinaan**  
Bagi memastikan dayasaing industri pembinaan tempatan dalam menempuh cabaran pasaran domestik dan global, beberapa pendekatan perlu dilaksanakan merangkumi memastikan persekitaran bisnes yang liberal, pemasaran efektif di peringkat global, serta pembangunan industri pelengkap.

Sepanjang tahun 2007, CIDB telah berjaya menandatangani 3 *MoU* dengan kerajaan Pakistan, Kenya dan Syria sebagai langkah pertama memastikan kontraktor-kontraktor tempatan dapat menceburi pasaran global. Disamping itu 8 kajian kemungkinan telah disiapkan berkaitan dengan projek-projek berpotensi. Sehingga Disember 2007 sebanyak 93



## Strategic Thrust 6

### Leverage on Information and Communication Technology in The Construction Industry

The enhancement of ICT applications in the construction industry programme is being actively implemented involving the provision of Construction Industry Portal (CI Portal) as a one-stop information and construction industry know-how data bank through the wider use of ICT. The four development phases of National e-Tendering Initiative (NeTI) has been completed and is in the process of system fine-tuning prior to full implementation. A total of 278 government agencies throughout Malaysia had contributed tenders information throughout 2007 involving a 3,451 tenders. A total of 8 'road-show' series to promote the CI Portal were carried out during the year.

## Strategic Thrust 7

### Benefit from Globalization Including the Export of Construction Products and Services

To ascertain the competitiveness of the local construction industry in facing the local and global market challenges, several approaches need be undertaken to ensure a liberalised business environment, effective global marketing and the development of a complementary industry.

Throughout 2007, CIDB has successfully signed 3 *MoUs* with the governments of Pakistan, Kenya and Syria as the an initial step for local contractors to penetrate the global market. Along with this, 8 feasibility studies on related potential projects were also completed. As at the end of December 2007, a total of 93 local contractors were involved in constructions works oversea with a contract value of RM 79,251.57 million which include the 333 completed projects at a value of RM22,977.17million and 97 ongoing projects value RM 56,274.4 million in 40 countries.

kontraktor tempatan telah terlibat di dalam pembinaan luar negara dan memperolehi kontrak pembinaan bernilai RM79,251.57 juta. Ia merangkumi 333 projek bernilai RM22,977.17 juta yang telah siap dibina serta sebanyak 97 projek dalam pembinaan bernilai RM56274.4 juta di 40 negara.

### Saranan Pemboleh

CIDB juga telah melaksanakan proses penstrukturan semula organisasi melibatkan pelaksanaan pelan strategik serta hala tuju termasuk keperluan pengukuhan dan pembangunan modal insan. Peranan ibu pejabat dan pejabat negeri juga telah diperkemas yang melibatkan pengkhususan perancangan dan pembangunan dilaksana di ibu pejabat manakala pelaksanaan program dijalankan di 10 pejabat negeri dan 2 pejabat cawangan. Minggu Pembinaan Antarabangsa (*International Construction Week 2007*) telah menjadi medan bagi penggiat-penggiat industri berkumpul serta bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu semasa industri pembinaan. Di samping itu, Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan (*Malaysia Construction Industry Excellence Award*) telah berjaya diadakan sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepada penggiat-penggiat industri pembinaan yang telah mempamerkan kecemerlangan dan ianya dihadiri oleh sebahagian besar komuniti pembinaan.

### Penghargaan

Industri pembinaan negara telah mengorak langkah ke arah tandaras kecemerlangan menerusi Pelan Induk Industri Pembinaan sebagai panduan khusus kepada industri. Adalah diharapkan semua sektor termasuk sektor awam dan swasta bersama-sama menggembeleng tenaga dan usaha ke arah mencapai hasrat tersebut. Anggota Lembaga serta Pengurusan CIDB sentiasa menyokong segala usaha dan bersedia menerima sebarang pandangan ke arah usaha memartabatkan industri pembinaan negara. Penyertaan berkesan secara '*smart partnership*' perlu diteruskan serta penambahbaikan berterusan diambilkira di setiap pelaksanaan program.



### Enabling Recommendations

CIDB has undergone an organisational restructuring exercise involving the implementation of strategic thrust plans that include the necessary enhancement and development of human resources. The roles of the head and regional offices were also revamped that resulted in planning and development to be specially handled at head office whilst programmes are implemented at a state and 2 branch offices. The International Construction Week 2007 held provided a platform for industry players to meet and exchange current construction industry issues. The Malaysian Construction Industry Excellence Award was successfully held as an appreciation and accreditation of construction industry players who had displayed excellence and the event was attended by a large number from the construction community.

### Acknowledgement

The national construction industry has forged ahead on benchmarking towards excellence through The Construction Industry Master Plan as comprehensive. It is our aspiration that all sectors including the public and private sectors should collectively make an effort towards achieving this vision. Members of the Board and management supports every effort and are open to suggestions towards improving the quality of our nation's construction industry. Effective participation through '*smart partnership*' should be maintained and continuous improvements should be taken into account at every programme implementation.

*'Make us your partner'*

**Tan Sri Dato' Ir. Jamilus Hussein**  
Pengerusi CIDB / Chairman of CIDB



# Tinjauan Operasi Operations Review